



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN

KUMPULAN C:

**KELAB MALAM, DEWAN TARI-MENARI,
KABARET, PUSAT KARAOKE, PUSAT
KESEJAHTERAAN, RUMAH URUT, RUMAH
AWAM DAN RUMAH BIR**

KUMPULAN D:

KELAB PERSENDIRIAN

KUMPULAN E:

KELAB GOLF DAN LAPANGAN SASAR GOLF

(Versi 3)

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

9 Jun 2025

Penerbitan

Tarikh: 9 Jun 2025

Panduan Perkhidmatan Kumpulan C, D & E ini menggantikan Panduan Perkhidmatan Kumpulan C, D & E yang bertarikh 29 Februari 2024.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	5
TERMINOLOGI	5
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN	6
KADAR CUKAI PERKHIDMATAN	7
KUMPULAN C: KELAB MALAM, DEWAN TARI-MENARI, KABARET, PUSAT KARAOKE, PUSAT KESEJAHTERAAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR SECARA AM	8
Latar Belakang	8
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KELAB MALAM, DEWAN TARI- MENARI, KABARET, PUSAT KARAOKE, PUSAT KESEJAHTERAAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR	10
Orang Kena Cukai	10
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	10
Kadar Cukai Perkhidmatan Untuk Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai	12
KUMPULAN D: KELAB PERSENDIRIAN	14
Latar Belakang	14
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KELAB PERSENDIRIAN	14
Orang Kena Cukai	14
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	14
Kadar Cukai Perkhidmatan Untuk Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai	15
KUMPULAN E: KELAB GOLF & LAPANGAN SASAR GOLF	17
Latar Belakang	17
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KELAB GOLF & LAPANGAN SASAR GOLF	17
Orang Kena Cukai	17
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	17
Kadar Cukai Perkhidmatan Untuk Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai	19
MENGAKAUNKAN CUKAI PERKHIDMATAN	21
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR	21
ISU PERALIHAN	22
JADUAL 1	23

SOALAN-SOALAN LAZIM.....	24
KUMPULAN C	24
KUMPULAN D	28
KUMPULAN E	30
PERTANYAAN	32
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST.....	32

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang disediakan di kelab malam, dewan tari-menari, kabaret, pusat karaoke, pusat kesejahteraan, rumah urut, rumah awam dan rumah bir, kelab persendirian dan kelab golf & lapangan sasaran golf di Malaysia.

TERMINOLOGI

6. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) “**Kawasan ditetapkan**” ertinya Labuan, Langkawi, dan Tioman, Pangkor dan Pulau 1 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
 - (ii) “**Kawasan khas**” ertinya mana-mana kawasan zon bebas, dan

gudang pengilangan berlesen, dan Kawasan Pembangunan Bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah seksyen 77B Akta Kastam 1967 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];

- (iii) **“Orang berdaftar”** ertinya orang yang didaftarkan di bawah seksyen 13 atau 14, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018];
- (iv) **“Orang kena cukai”** ertinya orang berdaftar atau orang yang bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12, ACP 2018 [Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018]
- (v) **“Pusat kesejahteraan”** ertinya mana-mana premis yang menyediakan perkhidmatan yang berikut:
 - (a) apa-apa rawatan ke atas mana-mana bahagian anggota badan yang menggunakan apa-apa bahan atau kelengkapan termasuklah aromaterapi, akupunktur, refleksologi atau bekam;
 - (b) penjagaan dan rawatan bagi ibu yang bersalin dan bayi; atau
 - (c) jagaan kesejahteraan berhubung dengan penjagaan orang tua.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

7. Pengeunaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan – Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 untuk orang kena cukai berikut adalah bermula pada 1 September 2018 kecuali pusat karaoke yang dikenakan cukai perkhidmatan berkuat kuasa pada 26 Februari 2024. Peluasan skop cukai perkhidmatan ke atas pusat kesejahteraan dengan penambahan skop perkhidmatan rawatan kecantikan yang dikenakan cukai perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025. Senarai perkhidmatan yang tertakluk ke atas cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan C adalah seperti berikut:

- (i) kelab malam;

- (ii) dewan tari-menari;
- (iii) kabaret;
- (iv) pusat karaoke;
- (v) pusat kesejahteraan;
- (vi) rumah urut;
- (vii) rumah awam; atau
- (viii) rumah bir.

8. Manakala, mulai 1 September 2018, cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan D dan E, Jadual Pertama, Peraturan – Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 untuk orang kena cukai adalah seperti berikut:

- (i) Kumpulan D : Kelab persendirian.
- (ii) Kumpulan E : Kelab golf & lapangan sasaran golf.

KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

9. Selaras dengan seksyen 10(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024, Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan dinaikkan daripada 6% kepada 8% mulai 1 Mac 2024 ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan ruang letak kenderaan dan perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk kad kredit dan kad caj kekal dikenakan pada RM25/tahun.

10. Penyediaan perkhidmatan yang ditetapkan di ruang dua (2), Kumpulan C, D dan E, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 untuk orang kena cukai berkaitan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar cukai yang ditetapkan iaitu 8% kuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

11. Manakala penyediaan perkhidmatan pusat kesejahteraan yang ditetapkan di ruang dua (2), Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 untuk orang kena cukai berkaitan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar cukai yang ditetapkan iaitu 8% kuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

12. Layanan peralihan ke atas perubahan kadar cukai perkhidmatan boleh merujuk kepada **Panduan Peralihan Perubahan Kadar Cukai Perkhidmatan**.

13. Sekiranya orang berdaftar Kumpulan C, D atau E menyediakan pelbagai perkhidmatan bercukai, penetapan kadar cukai perkhidmatan yang disediakan itu ditentukan berdasarkan kepada jenis perkhidmatan bercukai yang disediakan dan bukannya mengikut kepada perkhidmatan utama. Namun, sekiranya perkhidmatan bercukai dalam subbutiran (a) ruang (2) Kumpulan C, D atau E disediakan bersekali dengan apa-apa perkhidmatan bercukai lain, kadar cukai perkhidmatan ditetapkan pada kadar lapan peratus (8%).

KUMPULAN C: KELAB MALAM, DEWAN TARI-MENARI, KABARET, PUSAT KARAOKE, PUSAT KESEJAHTERAAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR SECARA AM

Latar Belakang

14. Kelab malam adalah tempat hiburan dan bar yang biasanya beroperasi sehingga lewat malam. Kelab malam berbeza daripada bar biasa, pub atau bar kerana mempunyai pentas untuk muzik langsung, mempunyai satu atau lebih kawasan lantai dansa dan *DJ booth*. Dewan tarian adalah ruang untuk menari. Manakala, kabaret adalah satu bentuk hiburan teater yang menampilkan muzik, lagu, tarian, bacaan atau drama. Ia biasanya dibezakan oleh tempat persembahan seperti pub, restoran atau kelab malam yang mempunyai pentas persembahan.

15. Rumah awam adalah premis yang dibenarkan untuk menjual dan menghidangkan minuman keras dan bir yang memabukkan. Manakala, rumah bir adalah tempat untuk menjual dan menghidangkan bir. Premis-premis ini dilesenkan di bawah seksyen 35, Akta Eksais 1976.

16. Rumah urut adalah premis yang menyediakan perkhidmatan urutan badan kepada pelanggan sama ada secara tradisional atau moden untuk tujuan kesihatan, relaksasi, atau rawatan tradisional.

17. Pusat karaoke adalah premis yang menyediakan kemudahan berhibur

secara individu atau berkumpulan untuk menyanyikan lagu terpilih dengan iringan muzik yang sedia terakam dalam alat audio visual.

18. Selain memberi definisi pusat kesejahteraan, peluasan skop cukai perkhidmatan bagi pusat kesejahteraan juga ditambahbaik dengan menambahkan perkhidmatan rawatan kecantikan melibatkan premis pusat kecantikan. Jenis-jenis rawatan kecantikan adalah seperti di bawah:

- (i) apa-apa rawatan badan atau mana-mana bahagian badan, muka atau rambut untuk merawat atau memulihkan kulit badan atau muka dengan menggunakan apa-apa bahan atau apa-apa kelengkapan seperti contoh di bawah;
 - (a) hidroterapi badan atau mana-mana bahagian badan;
 - (b) apa-apa rawatan melangsingkan badan;
 - (c) urutan muka, tangan, kaki atau seluruh badan;
 - (d) dandanan rambut;
 - (e) rawatan jari atau kuku bagi tangan atau kaki;
 - (f) sauna;
 - (g) mandian herba, susu atau bunga;
 - (h) mencacah tatu;
 - (i) spa; atau
 - (j) apa-apa rawatan kecantikan seperti di subbutiran (a) di tafsiran **Pusat Kesejahteraan.**

19. Semua perkhidmatan yang disediakan oleh pusat kesejahteraan atau rumah urut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KELAB MALAM, DEWAN TARI- MENARI, KABARET, PUSAT KARAOKE, PUSAT KESEJAHTERAAN, RUMAH URUT, RUMAH AWAM DAN RUMAH BIR

Orang Kena Cukai

20. Mana-mana orang yang mengendalikan premis atau kemudahan yang berikut dan mencapai jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000 adalah bertanggung untuk berdaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018:

- (i) kelab malam;
- (ii) dewan tari-menari;
- (iii) kabaret;
- (iv) Rumah Awam Kelas Pertama, Kedua atau Ketiga atau Rumah Bir Kelas Pertama atau Kedua yang dilesenkan di bawah perenggan (a) atau (b) subseksyen (1) Seksyen 35 Akta Eksais 1976 dan dinyatakan dalam lesen itu perenggan (1) atau Peraturan 9, Peraturan-peraturan Eksais (Penjualan Minuman yang Memabukkan) 1977;
- (v) pusat karaoke; atau
- (vi) pusat kesejahteraan atau rumah urut.

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

21. Perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di dalam ruang (2), di bawah Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

- (i) Penyediaan semua jenis perkhidmatan **kecuali** penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, penyediaan perkhidmatan rawatan perubatan tradisional dan komplementari swasta atau

penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1) butiran 14, butiran 15 dan butiran 16 Kumpulan I.

- (ii) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 **kecuali** penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1), butiran 14 Kumpulan I.
- (iii) Penyediaan atau penjualan –
 - (a) rokok;
 - (b) produk tembakau;
 - (c) paip tembakau (termasuk kepala paip);
 - (d) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
 - (e) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak; atau
 - (f) minuman beralkohol dan tidak beralkohol.

22. Contoh perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan termasuk:

- (i) Perkhidmatan teman menari atau pengiring sosial;
- (ii) Penjualan minuman atau produk tembakau;
- (iii) Penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang;

- (iv) Caj perkhidmatan *corkage*, caj tuala atau caj kemasukan (*entrance/cover charge*);
- (v) Perkhidmatan rawatan kecantikan seperti rawatan muka (*facial treatment*), dandan rambut seperti kerinting dan potong rambut, mandian wap atau *scrub* lulur badan atau spa kecantikan;
- (vi) Perkhidmatan kesejahteraan adalah seperti perkhidmatan penjagaan dan rawatan ibu selepas bersalin dan bayi atau perkhidmatan jagaan kesejahteraan berhubung penjagaan orang tua;
- (vii) Perkhidmatan urut;
- (viii) Penyediaan premis untuk mesyuarat atau untuk mempromosikan pertunjukan kebudayaan atau fesyen;
- (ix) Penyediaan ruang letak kenderaan untuk kenderaan bermotor yang dikenakan caj letak kenderaan; atau
- (x) Penyediaan tempat atau ruang untuk berkaraoke secara individu ataupun berkumpulan.

*Nota: Senarai perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di atas adalah tidak terhad.

Kadar Cukai Perkhidmatan Untuk Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai

23. Penyediaan pelbagai perkhidmatan bercukai oleh orang berdaftar di bawah Kumpulan C, penetapan kadar cukai perkhidmatan yang disediakan itu ditentukan:

- (i) berdasarkan kepada jenis perkhidmatan bercukai yang disediakan dan bukannya mengikut kepada perkhidmatan utama; atau
- (ii) sekiranya perkhidmatan bercukai dalam subbutiran (a) ruang (2)

Kumpulan C disediakan bersekali dengan apa-apa perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam subbutiran (b) ruang (2) Kumpulan C, kadar cukai perkhidmatan yang hendak dikenakan dan dilevikan atas perkhidmatan bercukai lain itu ditetapkan pada lapan peratus (8%);

24. Contoh penetapan kadar cukai perkhidmatan untuk penyediaan pelbagai perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di perenggan 23 adalah seperti berikut:

Perkhidmatan Bercukai	Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan
(a) Penyediaan semua jenis perkhidmatan seperti <i>entrance/cover charge</i>	8%
<p>(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 –</p> <p>Contoh:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman 2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan 3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti pengurusan majlis, <i>business centre</i> 	<p>6% atau 8%</p> <p>6%</p> <p>6%</p> <p>8%</p>
<p>(c) Penyediaan atau penjualan—</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak 2. Minuman beralkohol (termasuk <i>temperance drink</i>) 3. Minuman tidak beralkohol (minuman sedia diminum di dalam botol / pek / tin / kotak dan seumpamanya) 	<p>8%</p> <p>8%</p> <p>6%</p>

KUMPULAN D: KELAB PERSENDIRIAN

Latar Belakang

25. Secara amnya, kelab persendirian adalah premis kelab yang menyediakan kemudahan untuk kegunaan pengunjung berdasarkan keahlian, profesion atau kelas orang.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KELAB PERSENDIRIAN

Orang Kena Cukai

26. Mana-mana orang yang mengendalikan kelab persendirian termasuklah rumah kelab yang kemasukan ke dalamnya dihadkan oleh keahlian, profesion atau kelas yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000 adalah orang kena cukai yang bertanggung untuk berdaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 13, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

27. Perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di dalam ruang (2), di bawah **Kumpulan D**, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

- (i) pemberian semua perkhidmatan di dalam kelab persendirian itu.
- (ii) pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 **kecuali** penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1), butiran 14 Kumpulan I.
- (iii) penyediaan atau penjualan –
 - (a) rokok;
 - (b) produk tembakau;

- (c) paip tembakau (termasuk kepala paip);
- (d) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
- (e) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak; atau
- (f) minuman beralkohol dan tidak beralkohol.

28. Contoh perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan termasuk:

- (i) perkhidmatan sukan atau rekreasi termasuk kelayakan untuk menggunakan perkhidmatan sedemikian oleh ahli kelab, di mana yuran langganan keahlian dikenakan selain daripada golf;
- (ii) penjualan minuman atau produk tembakau;
- (iii) penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang;
- (iv) caj perkhidmatan *corkage*, caj tuala atau caj kemasukan (*entrance/cover charge*);
- (v) penyediaan ruang letak kenderaan untuk kenderaan bermotor yang dikenakan caj letak kenderaan; atau
- (vi) penyediaan bilik penginapan atau bilik tidur.

*Nota: Senarai perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di atas adalah tidak terhad.

Kadar Cukai Perkhidmatan Untuk Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai

29. Penyediaan pelbagai perkhidmatan bercukai oleh orang berdaftar di bawah Kumpulan D, penetapan kadar cukai perkhidmatan yang disediakan itu

(termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak	
2. Minuman beralkohol (termasuk <i>temperance drink</i>)	8%
3. Minuman tidak beralkohol (minuman sedia diminum di dalam botol / pek / tin / kotak dan seumpamanya)	6%

KUMPULAN E: KELAB GOLF & LAPANGAN SASAR GOLF

Latar Belakang

31. Secara umum, kelab golf adalah satu organisasi yang menyediakan kemudahan bermain golf.

32. Lapangan sasaran golf adalah kawasan di mana pemain golf boleh berlatih ayunan pukulan golf. Ia juga boleh menjadi aktiviti rekreasi sendiri untuk pemain golf.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS KELAB GOLF & LAPANGAN SASAR GOLF

Orang Kena Cukai

33. Mana-mana orang yang mengendalikan padang golf atau lapangan sasaran golf yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi RM500,000 adalah orang kena cukai yang bertanggungjawab untuk berdaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 13, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

34. Perkhidmatan yang dikenakan cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di dalam ruang (2), di bawah **Kumpulan E**, Jadual Pertama,

Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:

- (i) penyediaan kelab golf atau lapang sasaran golf atau perkhidmatan berhubung dengan golf atau lapang sasaran golf;
- (ii) pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, Peraturan- Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 **kecuali** penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan oleh orang kena cukai yang dinyatakan dalam ruang (1), butiran 14 Kumpulan I.
- (iii) pemberian apa-apa perkhidmatan lain di dalam kelab golf atau lapang sasaran golf;
- (iv) penyediaan atau penjualan –
 - (a) rokok;
 - (b) produk tembakau;
 - (c) paip tembakau (termasuk kepala paip);
 - (d) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
 - (e) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak; atau
 - (f) minuman beralkohol dan tidak beralkohol.

35. Perkhidmatan yang dikenakan cukai di bawah para 34(i) di atas adalah seperti berikut:

- (i) pas hijau/ bermusim;
- (ii) perkhidmatan *Caddy*;
- (iii) sewa kereta golf/ *turf mate*;

- (iv) sewa peralatan golf;
- (v) *guest player*;
- (vi) perkhidmatan *coaching*;
- (vii) ketidakhadiran;
- (viii) kemasukan pertandingan;
- (ix) kejohanan;
- (x) pencahayaan untuk golf malam;
- (xi) golf malam;
- (xii) bola latihan atau bola lapang sasaran;
- (xiii) sewa kasut golf; atau
- (xiv) yuran langganan.

*Nota: Senarai perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di atas adalah tidak terhad.

Kadar Cukai Perkhidmatan Untuk Penyediaan Pelbagai Perkhidmatan Bercukai

36. Penyediaan pelbagai perkhidmatan bercukai oleh orang berdaftar di bawah Kumpulan E, penetapan kadar cukai perkhidmatan yang disediakan itu ditentukan:

- (i) berdasarkan kepada jenis perkhidmatan bercukai yang disediakan dan bukannya mengikut kepada perkhidmatan utama; atau
- (ii) sekiranya perkhidmatan bercukai dalam subbutiran (a) ruang (2) Kumpulan E disediakan bersekali dengan apa-apa perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam subbutiran (b) ruang (2) Kumpulan E, kadar cukai perkhidmatan yang hendak dikenakan

dan dilevikan atas perkhidmatan bercukai lain itu ditetapkan pada lapan peratus (8%);

37. Contoh penetapan kadar cukai perkhidmatan untuk penyediaan pelbagai perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di perenggan (36) adalah seperti berikut:

Perkhidmatan Bercukai	Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan
(a) Penyediaan kelab golf atau lapang sasaran golf atau perkhidmatan berhubung dengan golf atau lapang sasaran golf	8%
(b) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 – Contoh: 1. Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman 2. Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan 3. Lain-lain perkhidmatan bercukai seperti pengurusan majlis, <i>business centre</i>	6% atau 8% 6% 6% 8%
(c) Pemberian apa-apa perkhidmatan lain di dalam kelab golf atau lapang sasaran golf – Contoh: 1. Sewaan ruang iklan 2. Sewaan ruang perniagaan 3. Pakej perkahwinan merangkumi penyediaan perkhidmatan bankuet/katering, persiapan tempat dan sewaan peralatan/ <i>live band</i> / karaoke	8% 8% 8% 8%
(d) Penyediaan atau penjualan— 1. Rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan	8%

Perkhidmatan Bercukai	Penetapan Kadar Cukai Perkhidmatan
peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak	
2. Minuman beralkohol (termasuk <i>temperance drink</i>)	8%
3. Minuman tidak beralkohol (minuman sedia diminum di dalam botol / pek / tin / kotak dan seumpamanya)	6%

MENGAKAUNKAN CUKAI PERKHIDMATAN

38. Orang berdaftar dan menyediakan perkhidmatan bercukai hendaklah mengeluarkan invoice dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan berdasarkan nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan tidak termasuk caj perkhidmatan (*service charge*) jika ada.

39. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan berdasarkan tempoh garis masa yang mana lebih awal iaitu:

- (i) pada masa bayaran diterima ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan; atau
- (ii) pada hari berikutnya selepas tempoh 12 bulan dari tarikh perkhidmatan itu diberikan bagi perkhidmatan bercukai yang telah diberikan.

40. Walau bagaimanapun, orang berdaftar juga dibenarkan untuk mengakaunkan perkhidmatan bercukai berdasarkan tarikh invoice dijana dengan syarat telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Kastam.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

41. Penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan**.

42. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:
- (i) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
 - (ii) mengeluarkan invois dan resit seperti yang ditetapkan di bawah akta kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
 - (iii) mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan
 - (iv) menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan selama 7 tahun.
43. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

ISU PERALIHAN

44. Berdasarkan Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti di Jadual 1.

45. Dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama, PPCP 2018 dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkaitkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu.

46. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sebelum tarikh kuat kuasa kenaan cukai dan melangkaui tarikh kuat kuasa kenaan cukai, nilai cukai perkhidmatan dikenakan secara pembahagian (*apportionment*) seperti berikut:

- (a) perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa kenaan cukai perkhidmatan; dan
- (b) perkhidmatan bercukai yang disediakan pada/selepas tarikh kuat kuasa kenaan cukai perkhidmatan.

JADUAL 1
PERBANDINGAN PELAKSANAAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN
SEBELUM DAN SELEPAS 1 JULAI 2025

Perkara	Sebelum 1 Julai 2025	Selepas 1 Julai 2025
Perkhidmatan bercukai	<p>Perkhidmatan kesihatan atau kesejahteraan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Perkhidmatan teman menari atau pengiring sosial; (ii) Penjualan minuman atau produk tembakau; (iii) Penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang; (iv) Caj perkhidmatan <i>corkage</i>, caj tuala atau caj kemasukan (<i>entrance/cover charge</i>); (v) Perkhidmatan jagaan berpantang untuk wanita selepas melahirkan anak; (vi) Perkhidmatan urut; (vii) Penyediaan premis untuk mesyuarat atau untuk mempromosikan pertunjukan kebudayaan atau fesyen; (viii) Penyediaan ruang letak kenderaan untuk kenderaan bermotor yang dikenakan caj letak kenderaan; atau (ix) Penyediaan tempat atau ruang untuk berkaraoke secara individu ataupun berkumpulan. <p>*Nota: senarai ini tidak terhad</p>	<p>Mana-mana premis yang menyediakan perkhidmatan kesejahteraan termasuk rawatan kecantikan seperti di bawah:</p> <p><u>Pusat Kesejahteraan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (1) Urutan; <ul style="list-style-type: none"> (a) Urutan yang menggunakan sebarang bahan atau peralatan (b) Refleksologi; (c) Aromaterapi; (2) Sauna/spa dan jakuzi; (3) Akupunktur; (4) Bekam; (5) Pusat penjagaan dan rawatan ibu selepas bersalin dan bayi; atau (6) Pusat penjagaan kesejahteraan berhubung penjagaan orang tua. <p><u>Rawatan Kecantikan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (1) apa-apa rawatan badan atau mana-mana bahagian badan, muka atau rambut untuk merawat atau memulihkan kulit badan atau muka dengan menggunakan kosmetik, herba, apa-apa bahan atau apa-apa kelengkapan; (2) hidroterapi badan atau mana-mana bahagian badan; (3) apa-apa rawatan melangsingkan badan; (4) urutan muka, tangan, kaki atau seluruh badan; (5) dandanan rambut; (6) rawatan jari atau kuku bagi tangan atau kaki; (7) sauna; (8) atau mandian herba; atau (9) spa;

SOALAN-SOALAN LAZIM

KUMPULAN C

1. **S : PNM Bar adalah operator rumah awam. Sekiranya pelanggan PNM membawa arak/ bir sendiri untuk minum di dalam premis PNM, caj *corkage* dikenakan kepada pelanggan. Adakah cukai perkhidmatan perlu dikenakan ke atas caj *corkage* tersebut?**

J : Ya, cukai perkhidmatan perlu dikenakan ke atas caj *corkage* jika ada.

2. **S : BNC Pub adalah operator rumah awam dan jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh BNC adalah kurang daripada RM500,000. Adakah BNC perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 memandangkan pada era cukai perkhidmatan yang dahulu, BNC diwajibkan untuk berlesen di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975.**

J : BNC tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 kerana jumlah nilai perkhidmatan bercukai tidak melebihi jumlah nilai ambang RM500,000. Walau bagaimanapun, BNC boleh mendaftar secara sukarela di bawah seksyen 14, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

3. **S : Puan SS ingin menggunakan perkhidmatan Pusat Jagaan Post-Natal selepas melahirkan anak dan pakej perkhidmatan yang disediakan adalah termasuk pakej penginapan, penjagaan dan perawatan ibu dan anak. Adakah perkhidmatan jagaan *post-natal* ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Perkhidmatan pusat jagaan dan perawatan ibu *post-natal* adalah merupakan perkhidmatan yang disediakan di bawah kategori pusat kesejahteraan. Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

4. **S : Seorang suri rumah telah dikenalpasti mengalami obesiti melampau dan telah dinasihatkan oleh doktor pakar untuk mendapatkan rawatan pelangsingan badan. Beliau telah pergi ke pusat pelangsingan badan dan telah mendapatkan rawatan menyedut lemak (*liposuction*). Adakah perkhidmatan pelangsingan badan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Perkhidmatan pelangsingan badan (*liposuction*) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. **S : Puan AA ingin mendapatkan perkhidmatan rawatan merias kuku sempena majlis hari lahir yang akan diadakan di rumahnya. Puan AA telah mendapatkan perkhidmatan tersebut di Pusat Kecantikan XX. Adakah perkhidmatan rawatan merias kuku ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, perkhidmatan rawatan merias kuku adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. **S : Saya merupakan pengendali spa kecantikan yang menyediakan perkhidmatan rawatan kecantikan kepada pelanggan saya. Perkhidmatan tersebut termasuklah perkhidmatan urutan badan, urutan muka, rawatan kecantikan muka, menanggalkan bulu badan, mandian herba susu dan bunga atau rawatan kecantikan lain. Adakah saya perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelanggan saya bagi perkhidmatan yang ditawarkan?**

J : Pengendali spa merupakan orang kena cukai dan semua jenis perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali ini termasuklah urutan badan, urutan muka, rawatan kecantikan muka, menanggalkan bulu badan, mandian herba susu dan bunga atau rawatan kecantikan lain adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 sekiranya telah melebihi jumlah nilai ambang RM500,000 bagi tempoh dua belas bulan.

7. **S : Bidan Tradisi & Spa menyediakan perkhidmatan penjagaan berpantang untuk ibu-ibu lepas melahirkan anak di dalam premisnya termasuklah perkhidmatan urutan lepas bersalin ke rumah pelanggan. Adakah perkhidmatan urutan lepas bersalin ke rumah pelanggan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Berkuat kuasa mulai 26 Februari 2024, penyediaan perkhidmatan urutan lepas bersalin ke rumah pelanggan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan selaras dengan perkhidmatan bercukai yang dinyatakan di butiran (a), ruang (2), Kumpulan C, Jadual Pertama, PPCP 2018.

8. **S : Syarikat Karaoke JKC mengendalikan sebuah pusat karaoke keluarga dengan menyediakan bilik-bilik untuk pelanggan berkaraoke secara individu ataupun secara berkumpulan. Di pusat karaoke itu juga, ada menyediakan makanan dan minuman yang boleh dihantar ke bilik-bilik karaoke mengikut pesanan pelanggan. Apakah layanan cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan ini?**

J : Perkhidmatan yang disediakan oleh Syarikat Karaoke JKC adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuklah penyediaan makanan dan minuman yang dipesan oleh pelanggan.

9. **S : SYC Entertainment Sdn Bhd memiliki sebuah pusat karaoke dan telah menyewa beberapa ruang di dalam pusat membeli belah untuk meletakkan karaoke kiosk miliknya di ruangan tersebut. Adakah penyediaan perkhidmatan karaoke kiosk tersebut perlu dikenakan cukai perkhidmatan?**

J : SYC Entertainment Sdn Bhd merupakan orang kena cukai seperti dinyatakan dalam ruang (1), Kumpulan C, Jadual Pertama, PCP 2018 iaitu pengendali pusat karaoke. Oleh itu, penyediaan semua jenis perkhidmatan oleh Entertainment Sdn Bhd perlu dikenakan cukai perkhidmatan termasuklah penyediaan perkhidmatan karaoke kiosk.

10. S : ABC Entertainment Enterprise telah menyewa beberapa ruang di dalam pusat membeli belah untuk meletakkan karaoke kiosk miliknya di ruangan tersebut. Adakah penyediaan perkhidmatan karaoke kiosk tersebut perlu dikenakan cukai perkhidmatan?

J : ABC Entertainment Enterprise bukan merupakan orang kena cukai seperti dinyatakan dalam ruang (1), Kumpulan C, Jadual Pertama, PCP 2018 kerana tidak mengendalikan pusat karaoke. Oleh itu, penyediaan perkhidmatan karaoke kiosk oleh ABC Entertainment Enterprise tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

11. S : Bistro & Pub adalah orang berdaftar sebagai pengendali Rumah Awam Kelas 1. Selain menyediakan atau menjual minuman beralkohol dan tidak beralkohol, Bistro & Pub juga menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman kepada pelanggan. Bagaimanakah penetapan kadar cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini?

J : Berkuat kuasa 1 Mac 2024, penyediaan perkhidmatan makanan dan minuman kepada pelanggan adalah tertakluk pada kadar cukai 6% manakala bagi penyediaan atau penjualan minuman beralkohol dan tidak beralkohol (minuman sedia diminum dalam pek, tin atau botol) adalah tertakluk pada kadar cukai 8%.

KUMPULAN D

1. **S : Adakah yuran pembaharuan keahlian tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, sekiranya yuran pembaharuan tersebut meliputi perkhidmatan yang disediakan manakala yuran pembaharuan keahlian yang tidak meliputi perkhidmatan yang disediakan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

2. **S : Adakah *partial payment* bagi yuran keahlian sebagai ahli kelab tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. *Partial payment* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%.

3. **S : Kelab saya menyediakan mesin *vending* yang menjual tuala wanita, minuman dan makanan ringan. Adakah saya perlu caj cukai perkhidmatan ke atas ahli kelab jika mereka membeli barangan ini?**

J : Penjualan makanan, minuman dan produk tembakau adalah perkhidmatan bercukai. Oleh itu, penjualan minuman dan makanan ringan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali penjualan tuala wanita.

4. **S : Kelab persendirian saya menyediakan perkhidmatan urut kepada staf/ kakitangan dengan pemberian baucer secara percuma. Adakah perkhidmatan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, perkhidmatan urut yang disediakan kepada staf/kakitangan secara percuma melalui pemberian baucer tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. **S : Encik KH bercadang untuk menempah pakej perkahwinan yang disediakan oleh kelab persendirian untuk majlis perkahwinannya. Adakah pakej tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Pakej perkahwinan yang disediakan oleh kelab persendirian tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. **S : Saya adalah pengerusi Kelab Rekreasi yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. Kelab ini menyediakan dan menyelaras aktiviti rekreasi keluarga untuk pekerja syarikat Kelab Rekreasi. Adakah perkhidmatan yang disediakan oleh kelab rekreasi ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan yang disediakan oleh kelab rekreasi ini tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

7. **S : Adakah bayaran pendahuluan untuk menempah ruangan premis bagi tujuan majlis keraian di kelab persendirian tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Bayaran pendahuluan tertakluk kepada cukai perkhidmatan apabila invoice dikeluarkan. Walau bagaimanapun, bayaran pendahuluan yang merupakan deposit yang boleh dikembalikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ianya bukan merupakan bayaran untuk sesuatu perkhidmatan.

8. **S : Adakah bayaran tip oleh tetamu atau pelanggan secara sukarela tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tip yang diberikan oleh tetamu atau pelanggan kepada staf/ kakitangan secara langsung sebagai tanda penghargaan ke atas perkhidmatan yang diberikan bukanlah sebahagian daripada pembekalan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan

KUMPULAN E

1. **S : Adakah bayaran pendahuluan untuk menempah ruangan premis bagi tujuan majlis keraian di kelab golf tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Bayaran pendahuluan tertakluk kepada cukai perkhidmatan apabila invoice dikeluarkan. Walau bagaimanapun, bayaran pendahuluan yang merupakan deposit yang boleh dikembalikan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ianya bukan merupakan bayaran untuk sesuatu perkhidmatan.

2. **S : Saya adalah operator kelab golf. Pelanggan saya menempah satu sesi permainan golf tetapi gagal untuk hadir ke acara tersebut. Saya akan mengenakan RM100 bagi *no show charge*. Apakah layanan cukai perkhidmatan bagi *no show charge*?**

J : *No show charge* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

3. **S : Saya seorang pengendali kelab golf. Saya mempunyai tempat letak kereta dan mengenakan yuran parkir kepada pelanggan. Saya juga menyediakan bilik untuk mesyuarat dan penginapan. Adakah perkhidmatan yang disediakan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

4. **S : Adakah bayaran tip oleh tetamu atau pelanggan secara sukarela tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tip yang diberikan oleh tetamu atau pelanggan kepada staf/ kakitangan secara langsung sebagai tanda penghargaan ke atas perkhidmatan yang diberikan bukanlah sebahagian daripada pembekalan dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

5. S : MNO Golf Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan pakej perkahwinan di kelab golf miliknya. Perkhidmatan tersebut disediakan secara berpakej dengan dikenakan bayaran per orang (*per pax*) termasuklah penyediaan makanan dan minuman beserta kemudahan dewan di kelab golf, hiasan bunga dsb. tersebut untuk majlis perkahwinan berlangsung. Bagaimanakah penetapan kadar cukai untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini?

J : Berkuat kuasa 1 Mac 2024, penyediaan perkhidmatan pakej perkahwinan oleh MNO Golf Sdn Bhd termasuk penyediaan kemudahan dewan, hiasan bunga dsb. yang dikenakan bayaran secara per orang (*per pax*) adalah tertakluk kepada kadar cukai 8%.

6. S : ADX Golf Berhad adalah pengendali kelab golf dan lapangan sasaran golf. Selain penyediaan kelab golf atau lapang sasaran golf, ADX Golf Berhad turut memberikan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (F&B) atau katering kepada pelanggannya. Adakah perkhidmatan F&B atau katering tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman (F&B) atau katering yang disediakan oleh ADX Golf Berhad tertakluk kepada cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di butiran (b) ruang (2) Kumpulan E, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini, sila berhubung dengan pejabat berikut:

Bahagian Cukai Dalam Negeri,
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan,
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:
 - Hotline : 1-300-888-500
 - Telefon : 03-8882 2100 / 2300 /2500
 - Email : ccc@customs.gov.my